

BERITA HARIAN

DATE: 7/10/2010

Falsafah kesederhanaan diterima

BH - 7/10/2010

Pemimpin Eropah, Asia sedia main peranan wujudkan perdamaian sejagat

Mahfar Ali
di Brussels, Belgium



GERAKAN Kesederhanaan Global yang disarankan Datuk Seri Najib Razak pada perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), bulan lalu, semakin mendapat sokongan meluas apabila falsafah itu dihuraikan lagi pada hari terakhir sidang kemuncak Asia-Eropah (ASEM) ke-8, kelmarin.

Malah, pemimpin negara Kesatuan Eropah (EU) dan Asia yang menghadiri sidang dua hari itu bermula Isnin lalu, juga menyatakan kesediaan untuk memainkan peranan masing-masing.

Perdana Menteri berkata, tindakan selanjutnya akan difikirkan selepas ini supaya falsafah kesederhanaan itu dapat dijadikan teras utama pandangan dunia ke arah mewujudkan perdamaian sejagat.

Bercakap kepada wartawan Malaysia sebelum pulang ke tanah air, malam kelmarin, Najib berkata, saranannya itu mendapat sambutan spontan dan hangat pemimpin Eropah dan Asia.

"Setelah saya berucap, ramai pemimpin menyambut saranan saya dengan positif, antaranya Denmark, Perancis, Belanda, Malta, India, China, Portugal, Thailand, Korea dan Filipina. Ini adalah lanjutan daripada ucapan saya di PBB dan apabila saya huraikan sekali lagi, nampaknya mereka menyambutnya dan sedia me-

mainkan peranan," katanya.

Dalam ucapannya, Najib turut mengajak semua negara menggalakkan dialog antara kepercayaan dan menjelaskan bahawa ancaman terbesar adalah untuk mengelakkan kumpulan ekstremis mendapat lebih perhatian da-

“Golongan sederhana sepatutnya lebih lantang dan terbuka menyuarakan pendapat supaya banyak permasalahan dunia dapat kita selesaikan”

Najib Razak
Perdana Menteri

ripada golongan sederhana.

"Golongan sederhana sepatutnya lebih lantang dan terbuka menyuarakan pendapat supaya banyak permasalahan dunia dapat kita selesaikan dan menyumbang ke arah perdamaian dunia dan sejagat," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan Islam bukan satu ancaman, sebaliknya fenomena Islamophobia dicetuskan oleh kumpulan ekstremis.

Beliau berkata, konflik yang timbul juga bukan di antara agama tetapi antara ekstremis dan kumpulan sederhana yang membabitkan semua agama.

Najib berkata, dalam konteks masyarakat majmuk yang pelbagai etnik dan agama, dunia seharusnya berganjak kepada sikap mene-

rima dan akhirnya merayakan kepelbagaian.

Perdana Menteri juga mengulangi bahawa isu kewujudan negara Palestin yang berdaulat adalah isu yang amat besar.

"Seluruh dunia, terutama negara Kesatuan Eropah (EU) seharusnya memainkan peranan gigih untuk menjadikan negara Palestin yang berdaulat sebagai kenyataan," katanya.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman, berkata ramai Menteri Luar yang mendengar ucapan Perdana Menteri dari bilik berasingan, kagum dengan pandangan dan falsafah berkenaan.

"Saranan Perdana Menteri juga disebut dalam kenyataan pengerusi sidang ASEM," katanya.